

## Personaliti pilihan


Oleh : norismiza@unimap.edu.my

# MOHD SAFRIZUL BAHU BIN ABU BAKAR

**Sifat Keberanian dan Pengalaman Bersama PBSMM Menyelamatkan Nyawa** "Saya masih ingat peristiwa kemalangan jalanraya yang berlaku pada tahun lalu dimana mangsanya adalah merupakan rakan sekerja saya sendiri. Pada petang itu, saya bertugas sebagai ahli Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) bagi Kejohanan Sukan UniMAP di Stadium UiTM Arau, Perlis. Tiba-tiba saya menerima panggilan bahawa rakan sekerja saya terlibat dengan kemalangan tidak jauh daripada stadium dan bergegas ke tempat kejadian. Apabila tiba di tempat kejadian, pada mulanya saya berasa amat terkejut, gementar dan panik apabila melihat keadaan rakan saya yang cedera parah pada ketika itu. Ramai orang awam yang berada disekeliling saya tetapi tidak mampu untuk membantu, mungkin kerana tiada antara mereka yang mempunyai kemahiran pertolongan cemas ataupun gementar melihat darah yang mengalir begitu banyak memenuhi jalan. Berbekalkan sedikit keberanian, saya mengambil keputusan untuk membantu dengan menghentikan pendarahan yang berlaku di kepala mangsa terlebih dahulu kerana saya kekurangan peralatan sehingga hal ketibaan anggota BOMBA. Pada ketika itulah saya dapat membuat rawatan atau pemeriksaan lanjut kepada badan mangsa. Saya amat terkejut bila membuat pemeriksaan dimana bahagian belakang badan mangsa mengalami luka teruk sehingga berlaku banyak pendarahan. Syukurlah selang beberapa minit kemudian, anggota paramedik dan Ambulans tiba di tempat kejadian. Saya dan anggota Paramedik bertungkus-lumus memberikan rawatan dan seterusnya membawa mangsa ke Hospital Kangar.

Alhamdulilah dan saya berasa amat bersyukur berkat ilmu pengetahuan yang saya perolehi sepanjang penglibatan bersama PBSMM saya berjaya menyelamatkan rakan saya tersebut dengan membrikannya bantuan awal."

Itulah cerita personaliti pilihan yang ingin diketengahkan pada kali ini iaitu saudara Mohd Safrizul Baha Bin Abu Bakar atau dikenali sebagai Zul. Beliau merupakan anak bujang kepada bekas pesra



tentera iaitu Mej (b) Haji Abu Bakar Bin Endut dan pasangannya Hajjah Hatijah Bt. Isnin. Maka tidak hairanlah, sejak kecil lagi Zul dibesarkan dalam keluarga yang mementingkan disiplin yang tinggi apatah lagi tinggal berhampiran dengan persekitaran kem tentera. Zul mendapat pendidikan awal pada tahun 1988 di SRK Kem Gerakhas dan melanjutkan pendidikan Menengah Rendah di SMK Sungai Udang di daerah Melaka Negeri Bersejarah sehingga tahun 1996. Kemudian beliau meneruskan



pengajiannya di negeri yang dicintainya iaitu negeri Perlis di SMK Arau sehingga tamat menduduki Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 1999.

Setelah menamatkan pengajian, beliau bertugas sebagai Pegawai Khas (Projek dan Pembangunan) kepada Datuk Mastika Junaidah Hussin iaitu Ahli Parlimen Arau sehingga tahun 2003 disamping berkhidmat di Unit Kemasyarakatan dan Dakwah (UKD) Perlis. Kini beliau bertugas sebagai Pembantu Tadbir (pengkerianan/operasi) di Kolej Kediaman Tun Hussein Onn (KKC) sejak daripada awal penubuhan UniMAP lagi bermula 5 Mei 2003. Sebagai antara kelompok staf terawal di UniMAP, Zul masih tidak boleh melupakan saat susah senang, pahit manis bersama-sama pihak Pengurusan UniMAP membangunkan Kolej Kediaman dan prasarana di UniMAP. Oleh sebab itulah, beliau sentiasa ingin membawa nama dan imej UniMAP yang terbaik dalam apa jua bidang yang diceburi baik daripada tugas sehari-hari mahupun aktiviti-aktiviti yang beliau ceburi. Semestinya saudara Zul dikenali melalui permainan Bowling dan aktiviti sukarelawan seperti PBSMM. Dalam permainan bowling, beliau pernah meraih beberapa pingat dalam acara bowling di peringkat kebangsaan seperti Sukan Badan berkanun Malaysia 2007, Sukan Majlis Belia Malaysia 2007 dan seterusnya pingat emas acara 4 Sepasukan dalam Kejohanan Sukan Antara Staf IPTA 2008 di UniMAS Sarawak baru-baru ini serta mengharumkan nama UniMAP. Dalam bidang kesukarelawan pula beliau telah menyumbangkan tenaga sebagai Sukarelawan Kebangsaan bagi Bantuan Kemanusiaan Banjir Besar di negeri Johor.

PBSMM sebatи dalam diri. Penglibatan awalnya sebagai ahli sukarelawan PBSMM adalah daripada peringkat sekolah rendah lagi. Pada mulanya beliau menganggap ia sebagai satu hobi, namun lama kelamaan rasa minat yang mendalam mula teserlah dalam memberi sumbangan dan bakti kepada yang memerlukan. Beliau bergiat aktif dalam PBSMM sehingga mempunyai kepakaran dalam Rawatan dan Penyediaan Air bagi tujuan Kecemasan (WATSAN) bagi Skuad Bencana PBSMM Malaysia. Berbekalkan dengan prinsip hidup ingin berjaya dalam apa jua bidang yang diceburinya, beliau bukan sahaja menjadi jurulatih Pertolongan Cemas PBSMM Perlis malah telah dilantik sebagai Pengurus Jawatankuasa Reaksi Bencana & Kecemasan PBSMM Negeri Perlis pada tahun 2006 dan Pegawai Bantuan Sukarela II PBSMM Cabang UniMAP pada 2007 sehingga ke saat ini. Zul juga mengakui antara pengalaman lain yang tidak boleh dilupakan yang pernah dilaluiinya dalam memberikan bantuan kecemasan ialah peristiwa negeri kemalangan jalanraya di Jalan Pauh-Guar Nangka, Perlis. Mangsa kemalangan tersebut telah mengalami amputasi iaitu putus bahagian kaki sebelah kanannya. Namun dengan izin Allah SWT dan bantuan awal kaki mangsa dapat diselamatkan dan disambung semula setelah dihantar ke Hospital. >>>bersambung m/s 30

**m/s 27 >>>** - Ketika banjir besar di Segamat Johor pula, beliau bersama rakan-rakan sukarelawan PBSMM yang lain telah pergi ke beberapa buah kampung bagi menyelamatkan mangsa-mangsa banjir. Dalam misi tersebut, terdapat seorang warga emas lelaki berkeras tidak mahu berpindah daripada rumah yang didudukinya walaupun keadaan banjir semakin teruk dan menghampiri paras bahaya dimana air sudah mula mencecah bahagian atas rumah kayu dua tingkat tersebut. Walaupun beliau dan rakan-rakan cuba memujuk dan menasihati warga emas tersebut kira-kira hampir satu jam, namun masih gagal untuk memindahkannya ke Pusat Pemindahan yang telah ditetapkan. Oleh kerana tidak mahu warga emas tersebut menjadi mangsa korban banjir, beliau dan rakan-rakan mengambil keputusan untuk membawa mangsa tersebut keluar walapun terpaksa menggunakan sedikit kekerasan dan strategi. Saya masih cuba memujuk dan berbual-bual dengan mangsa sehingga mangsa leka dan tidak menyedari kehadiran dua rakan saya yang telah masuk ke rumah tersebut melalui tingkap belakang rumah. Seterusnya mereka terus mendapatkan mangsa daripada belakang dan kami berjaya membawa mangsa keluar. Namun begitu, dengan berat hati kami terpaksa mengikat kaki dan tangan mangsa kerana beliau bertindak terlalu agresif disamping mengeluarkan kata-kata kesat yang

mengganggu proses pemindahan tersebut. Adalah menjadi prosedur kami di PBSMM untuk cuba sedaya upaya menyelamatkan mangsa yang masih hidup dalam operasi menyelamat,cerita beliau.

## **INFO :**

- Mohd Safrizul Baha Bin Abu Bakar atau dikenali sebagai Zul atau Baha dilahirkan pada 11 Disember 1982 di Hospital 504 Kem Terendak Melaka. Mohd Safrizul Baha Bin Abu Bakar atau dikenali sebagai Zul atau Baha dilahirkan pada 11 Disember 1982 di Hospital 504 Kem Terendak Melaka.
- Anak Ketiga daripada empat bersaudara.
- Pernah memenangi Anugerah Belia Negeri Perlis Tahun 2006 kategori Tokoh Kesukarelaan dan seterusnya menjadi calon Anugerah Belia Peringkat Kebangsaan Tahun 2006.
- Beliau pernah terlibat dengan Kemalangan jalanraya pada tahun 2004.
- Sedang melanjutkan pengajian Secara Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Awam di Universiti Utara Malaysia (UUM).
- Matlamat atau prinsip hidupnya adalah ingin berjaya didalam apa jua bidang yang diceburi
- Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah idola beliau.